

26 SEP 1996

Mahathir - Asia

MAHATHIR MENGGESA AMERIKA SYARIKAT BERSIKAP ADIL

Oleh: Syed Jamil Jaafar

NEW YORK, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa Amerika Syarikat memberi peluang kepada Asia dan tidak mengharapkan Asia menghasilkan pencapaian dalam masa satu atau dua dekad sedangkan Amerika mengambil masa satu atau dua abad untuk mencapainya.

Beliau berkata, di samping bersikap adil, Amerika juga harus berusaha untuk mewujudkan Asia yang makmur, kata beliau.

"Marilah kita bersama-sama mewujudkan komanwel global pada abad ke-21, komanwel global bersifat tunggal yang dunia belum pernah saksikan," kata Perdana Menteri pada majlis jamuan Asia Society bertemakan "Masa Depan bagi Malaysia dan Asia" di sini malam tadi.

Dr Mahathir menggesa supaya abad ke-21 dijadikan Abad Planet Bumi dengan sikap prejudis berasaskan benua atau negara, bangsa atau warna kulit diketepikan dan kemakmuran antara satu sama lain menjadi prinsip universal.

Beliau mengingatkan para hadirin Amerika bahawa dua abad dan satu perang saudara membentangi antara Deklarasi Kemerdekaan (yang mengisytiharkan semua manusia sama rata) dan Akta Hak Sivil pada Jun, 1964.

"Berilah peluang kepada kami untuk mencari nafkah secara jujur, melalui titik peluh dan kerja keras beratus-ratus juta penduduk Asia, seperti juga Eropah yang dahulu membenarkan Amerika memperolehi faedah hasil kerja keras, air mata dan titik peluh masyarakat Amerika.

"Amerika tidak pernah dipaksa untuk benar-benar mirip seperti Eropah, tidak pernah dikehendaki mengamalkan institusi Eropah, sebelum Eropah membenarkan Dunia Baru berdagang dengan yang dahulu.'"

Dr Mahathir berkata Amerika Syarikat bukan sahaja harus berlaku adil tetapi juga menjadi rakan dalam pembangunan dan dinamisme Asia.

Beliau meminta Amerika sekali lagi bersifat "adventurous" dan menggunakan kekuatan, kreativiti dan kepintarannya untuk membantu mewujudkan dunia baru di Asia -- seperti yang mereka lakukan untuk membina dunia baru di "American West."

Menurut Dr Mahathir, manusia belum pernah mempunyai persamaan kepentingan atau teknologi atau sumber untuk mewujudkan komanwel global yang bersifat tunggal.

"Apabila kita menyentuh tentang hasil perdamaian berikutan berakhirnya Perang Dingin, fikirkan bukan sahaja untuk menjimatkan perbelanjaan pertahanan. Kita harus merenung jauh daripada itu. Fikirkanlah secara jujur untuk mewujudkan komanwel global bersifat tunggal yang membawa kemakmuran bersama," katanya.

"Bayangkan faedahnya jika Eropah bertenaga dan dinamik, jika benua Amerika bertenaga dan dinamik, jika Afrika bertenaga dan dinamik, jika benua Asia bertenaga dan dinamik. Ia sudah tentu melambangkan dunia baru."

Jamuan Asia Society itu menghakhiri aturcara ketat Dr Mahathir pada hari kedua lawatannya selama tiga hari.

Beliau memulakan jadualnya dengan taklimat oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengenai perbincangan oleh pelbagai jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Selepas itu, Dr Mahathir dikunjungi oleh Perdana Menteri Slovenia, Dr Janez Drnovsek.

Pada tengah hari, Dr Mahathir merasmikan pameran lukisan kontemporari dan perhiasan tradisional anjuran Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia di Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke PBB.

Tujuh belas lukisan karya pelukis terkenal Malaysia seperti Ismail

Yang turut dipamerkan ialah songket dan barang kemas tradisional seperti pending, kerosang, gelang kaki, dan cucuk sanggul.

Ketika berucap, Dr Mahathir berkata kemakmuran ekonomi telah menyebabkan masyarakat Malaysia semakin berbangga dan menghargai seni.

Beliau berkata rakyat Malaysia mula berbelanja lebih dan memperuntukkan masa untuk memiliki dan menikmati keindahan dan keagungan seni dan kraf Malaysia.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa seni Malaysia telah menembusi arena antarabangsa dengan syarikat pelelong seperti Christie dan Sotheby mula mengadakan lelong lukisan Malaysia.

Aturcara Perdana Menteri pada Khamis termasuk mengadakan pertemuan dengan Presiden Macedonia, Kiro Gligorov dan Perdana Menteri Trinidad and Tobago, Basdeo Panday.

Dr Mahathir akan berucap pada sesi ke-51 Perhimpunan Agung PBB pada pagi Jumaat sebelum singgah di London dalam perjalanan pulang.

-- BERNAMA

SJ FAZ